



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (SPA)

## SIARAN MEDIA

### MAKLUM BALAS BERHUBUNG KENYATAAN TIMBALAN KETUA PENGARAH SPRM DALAM AKHBAR SINAR HARIAN *ONLINE* BERTARIKH 20 APRIL 2021 BERTAJUK 'SPRM MAHU 'PERISTIWA HITAM' TAHUN 2016 JADI IKTIBAR'

---

1. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) merujuk petikan kenyataan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Shamshun Baharin Mohd Jamil dalam akhbar Sinar Harian *Online* bertarikh 20 April 2021 yang antara lain menyebut SPA dan badan Kerajaan lain mengambil sekutu dalam urusan pelantikan. Sehubungan itu, SPA tidak jelas apa yang dimaksudkan sekutu oleh pegawai berkenaan.
2. Berhubung perkara ini dijelaskan bahawa SPA adalah salah satu daripada pihak berkuasa melantik yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
3. SPA sebagai Pihak Berkuasa Melantik mematuhi sepenuhnya garis panduan yang telah ditetapkan melibatkan pendaftaran secara *online*, tapisan melalui peperiksaan *online* (aptitud dan psikometrik), ujian fizikal atau penilaian kompetensi dan temu duga. Penilaian ini dibuat secara telus melibatkan panel penilai yang dilantik berdasarkan kriteria tertentu. Melalui peperiksaan *online* misalnya, calon-calon akan dinilai dari segi kesesuaian dan kebolehan tanpa mengenal sekutu.
4. Sebagai contoh, dalam pengambilan pegawai SPRM pada tahun 2019 yang dibuat oleh SPA, calon-calon akan melalui tapisan awal dan seterusnya menduduki peperiksaan *online* dan ujian fizikal. Seterusnya calon melalui penilaian kompetensi yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai SPRM yang kemudiannya diperakukan untuk urusan temu duga oleh panel yang ahlinya terdiri daripada seorang Ahli Suruhanjaya dan seorang pegawai SPRM. Berdasarkan proses pelantikan yang dibuat ini, tidak ada ruang untuk

mengambil sekutu kerana melibatkan beberapa peringkat penilaian oleh ahli-ahli panel yang berbeza. Sesuatu pelantikan dibuat berdasarkan kepada prestasi dan kebolehan serta kemahiran calon memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan sama ada dalam peperiksaan, penilaian kompetensi, ujian fizikal dan temu duga. Semua proses pengambilan bagi tujuan pelantikan ini turut dipantau oleh pegawai SPRM yang berperanan sebagai Ketua Unit Integriti SPA. SPA mempraktikkan prosedur yang sama bagi melantik penjawat awam bagi semua skim perkhidmatan.

5. Adalah ditegaskan bahawa kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah tidak benar, mengelirukan dan merupakan satu tohmahan sehingga boleh menjejaskan reputasi SPA sebagai pihak berkuasa melantik yang bebas dan telus.
6. Berhubung isu pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM, ianya tidak ada kaitan dengan SPA kerana pelantikan itu adalah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). Jika SPA bukan Pihak Berkuasa Melantik, maka mengaitkan pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM boleh mengelirukan pemahaman semua pihak. Peristiwa Tahun 2016 yang dimaksudkan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM juga tidak ada kaitan dgn SPA sebagai Pihak Berkuasa Melantik.
7. Berdasarkan pernyataan di atas, SPA dengan ini memohon Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM supaya menarik balik kenyataan yang tidak benar terhadap SPA dalam akhbar Sinar Harian *Online*.

Sekian untuk makluman.

**PENGERUSI**

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

**20 APRIL 2021**

**Sinar** Harian Premium Berita Suara Sinar Video Khas SinarPlus E-Paper Terkini Pengiklanan Sign Up Sign in

Selasa | 20 April 2021

## SPRM mahu 'peristiwa hitam' tahun 2016 jadi iktibar

MUHAMMAD YUSAINY MOHAMAD YUNUS | 20 April 2021



Shamshun Baharin

SHAH ALAM - 'Peristiwa hitam' yang melanda Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun 2016 perlu dijadikan iktibar kepada semua pihak.

Menurut Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Shamshun Baharin Mohd Jamil, SPRM sebelum ini telah pun meminta untuk mewujudkan satu suruhanjaya khas bagi pengambilan kakitangan sendiri dan jawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM dilantik di bawah peruntukan undang-undang.

Bagaimanapun, beliau berkata, perkara itu memerlukan pindaan perlembagaan di Parlimen.

**TERKINI | POPULAR**

- 1 Suntikan vaksin untuk petugas barisan hadapan selesai hujung...
- 2 Nama SMK Permai belum muktamad
- 3 Pelajar matrikulasi dikompaun!
- 4 Wanita hamun pengawal keselamatan ditahan
- 5 Doa itu satu ibadah

Selasa | 20 April 2021

cari 

satu suruhanjaya khas bagi pengambilan kakitangan sendiri dan jawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM dilantik di bawah peruntukan undang-undang.

Bagaimanapun, beliau berkata, perkara itu memerlukan pindaan perlembagaan di Parlimen.

"Ini untuk bagi mengelak berlakunya tragedi seperti pada tahun 2016, apabila bekas Ketua Suruhanjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed dan Datuk Seri Shukri Abdull yang dipendekkan tempoh perkhidmatan mereka.



"Kita nak isu ini melibatkan pindaan perlembagaan dalam melantik ketua Suruhanjaya dibawah undang-undang agar tidak mengambil sekutu sepertimana mudah berlaku dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan badan kerajaan yang lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Majlis Pelancaran #RasuahBusters bersama Allianz Malaysia dan terbuka puasa pada Isnin